

Penulis disaran bina laman web

BH 27 AUG 2001

Oleh Nurul Hazren
Masitom

Perdana Menteri yakin golongan intelektual itu mampu memanfaatkan dan menguasai IT

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya penulis dan sasterawan membina laman web sendiri dan memuatkan karya masing-masing dalam novel elektronik (e-novel) dan puisi elektronik (e-poetry).

Perdana Menteri yakin sebagai golongan intelektual, mereka mampu memanfaatkan dan menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Karya terbaik dari Asia Tenggara haruslah juga diterjemahkan ke bahasa utama dunia, seperti bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Arab dan sebagainya.

"Dengan ilmu dan teknologi, penulis dan sasterawan berupaya menyebarkan karya bukan saja dalam negara, malah ke merata dunia dan dibaca ramai orang," katanya pada Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Kesusastraan Asia Tenggara dan Penyampaian Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) 2001 di sini, malam ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abdul Rahim Bakar; Ketua Pengarah DBP, Datuk Abdul Aziz Deraman; Pengarah DBP Brunei, Datuk Paduka Alidin Othman; wakil Mastera Indonesia, Prof Dr Budi Darma dan Dr Hassan Alwi dari Pusat Bahasa Indonesia.

Dalam majlis itu juga, Musa menyampaikan Hadiah Sastera Mastera 2001 kepada tiga pemenang, iaitu Muhammad Salleh dari Malaysia; Muslim Burmat dari Brunei dan Kuntowijoyo dari Indonesia serta melancarkan laman web Mastera.

Perdana Menteri turut mengingatkan penulis dan sasterawan supaya tidak mengambil pendirian songsang, iaitu menentang dan menyanjung perkara tidak baik dan menolak perkara baik.

"Moraliti yang songsang ini sesungguhnya kita pelajari daripada masyarakat barat pasca moden yang mengagung-agungkan kebebasan individu, kebebasan bersuara yang kadangkala tanpa memikirkan mengenai tanggungjawab yang sepatutnya kita pikul

bersama kerana unsur-unsur pascamodenisme, jika tidak ditapis dan dihalusi, boleh membahayakan pegangan kita," katanya.

Beliau berkata, penulis dan sasterawan perlu turut membina masyarakat berilmu yang bergerak dan hidup atas ilmu pengetahuan.

Katanya, menerusi masyarakat berilmu ini, akan wujud keserasian antara golongan dalam masyarakat-pemerintah, cendekawan dan karyawan serta rakyat yang akan mengukuhkan lagi asas dan jentera bagi pembentukan identiti dan nilai kenegaraan di samping nilai hidup anggota masyarakat.

Pada masa sama, beliau turut menyeru duta negara seperti Filipina, Laos, Myanmar, Kemboja, Singapura, Thailand dan Vietnam untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan masing-masing untuk menyertai Mastera.

"Forum budaya seperti ini amat penting bagi meningkatkan kerjasama dan menjamin kesejahteraan negara di Asia Tenggara," katanya.